

26/03/2002

Pendaftaran naiki KLIA Express percuma ditutup

KUALA LUMPUR, Isnin - Pendaftaran menaiki KLIA Express percuma sempena tempoh percubaan perkhidmatan ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dari 1 hingga 10 April ini ditutup kerana semua tiket yang disediakan sudah habis ditempah.

Penolong Naib Presiden Komunikasi Korporat Express Rail Link (ERL) Sdn Bhd, Lily Rozita Abdul Rahman, berkata pendaftaran melalui laman web www.myERL.com itu ditutup lebih awal berikutan sambutan menggalakkan daripada orang ramai.

Katanya, dianggarkan lebih 30,000 penumpang dengan purata 4,800 setiap hari dijangka menaiki KLIA Express sepanjang perkhidmatan percubaan percuma itu.

Mereka yang sudah mendaftar dikehendaki membawa bersama borang yang sudah dicetak dan kad pengenalan sebagai bukti pendaftaran di Terminal Udara Kuala Lumpur (KL-CAT) di KL Sentral pada hari dan masa yang dipilih.

"Bagi tujuan mengawal orang ramai, mereka yang tidak mendaftarkan diri tidak akan dibenarkan masuk ke kawasan KL-CAT, manakala penumpang pesawat perlu menunjukkan tiket penerbangan sebagai bukti.

"Petugas KLIA pula dikehendaki menunjukkan pas kakitangan sebelum dibenarkan menaiki KLIA Express," katanya hari ini.

KLIA Express yang menghubungkan KL-CAT dengan KLIA akan mula beroperasi secara komersial mulai 19 April ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka melancarkan operasi KLIA Express pada 13 April.

KLIA Express dijangka mampu mengangkut 10,000 penumpang setiap hari pada tahun pertama operasi penuh, manakala KLIA Transit yang menghubungkan KL Sentral dengan Bandar Tasik Selatan, Putrajaya dan Salak Tinggi mengangkut 2,000 hingga 5,000 penumpang setiap hari.

Lily Rozita juga berkata, semua tiket percuma yang dikeluarkan hanya boleh digunakan dari jam 9 pagi hingga 5 petang.

"KLIA Express akan bertolak dari KL-CAT, manakala kereta api terakhir dari KLIA pula akan bertolak jam 6.30 petang.

"Orang ramai hanya dibenarkan berada di KLIA maksimum satu jam sebelum menaiki semula KLIA Express untuk ke KL-CAT," katanya.

(END)